

**LAPORAN PROGRAM DAN AKTIVITI BAGI JABATAN PENGAJIAN AM
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN**

HELL TO HEAVEN

PERKARA	BUTIRAN
Pelaksana	Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ibrahim Sultan
Tarikh	9 September 2020
Hari	Rabu
Masa	10.00 pagi – 1.00 petang
Tempat	Dewan Tunku Laksamana Abdul Jalil
Peringkat	Jabatan
Kumpulan Sasaran	Para pelajar Politeknik Ibrahim Sultan
Kejayaan/Pencapaian	Berjaya mengumpulkan seramai 250 orang pelajar
Ringkasan Perjalanan Program	<p>Program Hell To Heaven yang dilaksanakan pada 9 September 2020, dianjurkan oleh Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am, Politeknik Ibrahim Sultan, khusus bagi pelajar-pelajar semester akhir seramai 250 orang daripada Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH), Jabatan Rekabentuk & Komunikasi Visual (JRKV) serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM). Program yang bermula jam 10.00 pagi dan tamat pada pukul 1.00 petang ini telah dilaksanakan dengan jayanya.</p> <p>TENTATIF</p> <p><u>RABU (9 SEPTEMBER 2020)</u></p> <p>10.00 pg – 10.15 pg : Pendaftaran pelajar (Agihan roti & air mineral)</p> <p>10.20 pagi : Ketibaan VIP</p> <p>10.25 pg -12.30 tengahari : Perjalanan program</p> <p>12.45 pagi: Penyampaian cenderahati</p>

	<p>1.00 ptg – 2.00 ptg : Makan Tengahari</p> <p>Program Hell To Heaven ini diadakan sebagai salah satu usaha untuk memberi peluang kepada golongan pelajar agar dapat menimba ilmu dan memahami dengan lebih jelas berkaitan dengan akhlak, moral serta nilai-nilai murni yang perlu dijadikan amalan dan juga hal perbuatan yang perlu dijauhi sebagai benteng diri. Seterusnya melahirkan individu yang mempunyai jati diri yang kuat dan tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala yang negatif</p> <p>Program ini melibatkan pelajar-pelajar semester lima daripada tiga (3) jabatan induk iaitu Jabatan Pelancongan & Hospitaliti (JPH), Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual (JRKV) serta Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM).</p> <p>Perasmian Penyampaian Hadiah dan Penutup telah disempurnakan oleh Timbalan Pengarah Akademik, Puan Hajah Normala binti Abdullah dan program ini telah berakhir pada pukul 1 petang.</p> <p>Diharapkan program sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai satu bentuk pendedahan kepada pelajar terhadap cabaran dunia luar serta persediaan untuk menghadapi mehnah dan tribulasi dunia yang mencabar.</p>
Objektif Program :	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memenuhi keperluan hasil pembelajaran kursus iaitu: <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan elemen-elemen yang mencabar nilai-nilai moral (CLO3, MPU2022 Pendidikan Moral) ii. Menjelaskan isu-isu kontemporari berkait syariat Islam, keupayaan Islam dalam menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Malaysia. (CLO3, MPU2010 Pengajian Islam) iii. Menghubungkait isu-isu semasa dalam Komunikasi dan Penyiaran Islam. (CLO3, DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam) 2. Meningkatkan jati diri pelajar melalui akhlak dan nilai-nilai murni yang diamalkan. 3. Memupuk rasa keperihatinan dan mengeratkan hubungan silaturrahim merentasi jabatan dalam kalangan pelajar.

Strategi Pelaksanaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyampaian ceramah 2. Sesi soal jawab
Masalah/kekangan yang dihadapi	Tiada
Alatan Bantu	Komputer Riba & LCD
Kos	<p>Pendapatan : RM 1,700</p> <p>Perbelanjaan : RM 1,700</p> <p>Sumber : OS 42000</p> <p>Laporan kewangan seperti dilampiran 1</p>
Impak Program	<p>Hasil yang akan dicapai dan diperolehi daripada pelaksanaan program kepada:</p> <p>1. Pelajar.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Hasil pembelajaran kursus DUA6022 Komunikasi dan Penyiaran Islam, MPU2012 (Pengajian Islam) dan MPU2022 (Pendidikan Moral) lebih mudah difahami. ii. Meningkatkan tahap kesedaran terhadap isu-isu terkini dan perkaitannya dengan Syariat Islam (para pelajar Islam) dan moral (pelajar bukan Islam) dan pengetahuan mengenai tanggungjawab dan keprihatinan terhadap pelajar. <p>2. Politeknik :</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menaikkan imej dan nama baik Politeknik Malaysia, khususnya Politeknik Ibrahim Sultan. ii. Membantu Politeknik menghasilkan graduan/lulusan yang kompeten dan mempunyai jati diri yang kuat serta tidak mudah terpengaruh dengan gejala-gejala yang negatif..
Dokumentasi	Gambar program adalah seperti di lampiran 2
Senarai nama peserta	Lampiran 3

Gambar-gambar Program Hell To Heaven



Penceramah Hell To Heaven , Cik Ryn Rasidi



Sesi ceramah turut dihadiri oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Ustaz Hashim dan

Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Hjh. Normala.



Kedudukan para peserta yang hadir mengikut penjarakan sosial.



Timbalan Pengarah Akademik, Pn. Hjh. Normala menyampaikan cenderahati
daripada pihak Politeknik Ibrahim Sultan.



Para peserta bergambar bersama penceramah selepas selesai program.

360

PROGRAM HELL TO HEAVEN
24 OGOS 2020 (ISNIN)
AN TUNKU LAKSAMANA ABDUL JALIL
POLITEKNIK IBRAHIM SULTAN